



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

21 JANUARI 2026 (RABU)

Nur Ain Fariah Jaga 39 Ekor Kucing

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Remaja	18	21 Jan

Hobi

Oleh SITI SARAH NURUL LIYANA

Hobi menjaga kucing sering dianggap mudah. Namun hakikatnya, hobi itu menuntut komitmen masa, emosi dan kewangan yang berterusan. Biarpun dikelilingi wajah comel dan tingkah laku manja, namun pencinta kucing berdepan rutin harian yang tidak pernah berhenti, terutama apabila jumlah haiwan itu semakin bertambah.

Bagi Nur Ain Fariah Mahamad Dom, realiti itu sudah menjadi sebahagian daripada rutin harian apabila rumah keluarganya di Kelana Jaya, Selangor kini menempatkan 39 ekor kucing.

"Saya mula memelihara kucing sekitar 2019, ketika tempoh pandemik Covid-19, pada awalnya hanya dua ekor kucing dipelihara."

"Ketika itu, pengetahuan saya tentang penjagaan kucing masih terhad dan sekadar memberi makan serta menyediakan tempat berlindung."

"Namun tanpa disedari, jumlah kucing di rumah saya semakin bertambah apabila kucing jalanan mula datang."

"Ada yang dibuang di hadapan rumah dan ada juga ditemui di sekitar kawasan awam," katanya kepada K-Remaja.

Untuk makluman, hampir semua kucing dipeliharanya adalah jenis kampung, kecuali dua ekor kucing baka British Shorthair yang diterimanya sebagai hadiah.

Bagi mengawal populasi, kebanyakan kucingnya telah dimandulkan.

Namun, hanya ada satu kes 'berlepas' sehingga menyebabkan kelahiran beberapa ekor anak kucing.

Kini, semua kucing itu dibahagikan kepada dua tempat iaitu di dalam rumah dan ruang luar yang disediakan khas.

Pembahagian itu dibuat berdasarkan karakter kucing, di mana yang jinak dan berani dilepaskan di luar rumah.

Sementara kucing yang pemakut ditempatkan di dalam rumah.

Kongsi wanita berusia 20-an itu, rutin harian keluarganya bermula sejak awal pagi dengan penyediaan makanan dan melakukan kerja pembersihan.

"Kucing-kucing ini diberi makan dua hingga tiga kali sehari dengan penggunaan alat pemberi makanan automatik."

"Aspek kebersihan turut diberi perhatian dengan penggunaan pelbagai jenis pasir kucing, termasuk pasir tolu, kristal dan pelet kayu."

"Jenis-jenis pasir ini dipilih mengikut kesesuaian lokasi dan keperluan kucing," katanya.

Sementara itu, kos perubatan, vaksin, makanan dan rawatan berterusan memerlukan perbelanjaan yang tinggi, apatah lagi apabila ada kucing sakit.

Cerita Nur Ain Fariah, dia pernah berdepan situasi kehilangan beberapa ekor kucing sekali gus akibat jangkitan virus.

Ujarnya, ia satu pengalaman yang menguji emosi dan ketabahan sebagai pencinta kucing.

Namun, pengalaman itu juga menjadikannya lebih berpengetahuan dalam mengesan tanda-tanda awal penyakit serta mengambil langkah pencegahan.

Biarpun tidak aktif di media sosial atau terlibat dalam pertandingan kucing, namun wanita yang kini bergelar pembantu veterinar itu lebih selesa menjalani peranan secara senyap.



HAMPIR semua kucing yang dipelihara oleh Nur Ain Fariah adalah jenis kampung.



NUR AIN FARIAH mula memelihara kucing sejak tahun 2019.

KUCING diberi makan sebanyak dua hingga tiga kali sehari.

Nur Ain Fariah jaga 39 ekor kucing

"Bagi saya, kepuasan sebenar bukan terletak pada perhatian atau pengiktirafan. Jadi, saya tidak terfikir untuk sertai mana-mana pertandingan atau membuka media sosial khas untuk kucing-kucing ini. Sebaliknya, kebahagiaan itu datang apabila melihat kucing-kucing yang dahulunya terbiar kini hidup sihat, selamat dan penuh kasih sayang," katanya.

Klinik Veterinar Bergerak Pertama di Pantai Timur

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harian Metro	Lokal	21	21 Jan

Klinik veterinar bergerak pertama di pantai timur

Kuantan: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pahang memiliki klinik veterinar bergerak serba lengkap yang pertama di pantai timur bagi kegunaan memberi rawatan buat haiwan peliharaan di kawasan luar bandar di negeri ini.

Klinik berkenaan dilengkapi dengan bilik bedah, bilik bius, bilik rawatan, bilik kurungan, ruang pendaftaran dan ruang menunggu. Ia mula beroperasi kelmarin sempena program Kampungku Ceria di Tasik Paya Besar, di sini.

Pengarah JPV Pahang, Dr Norhaliza Abdul Halim berkata, klinik veterinar bergerak dijangka ke setiap daerah di negeri ini setiap bulan bagi memberi perkhidmatan yang diperlukan haiwan seperti kucing, anjing, arnab dan hamster.

Menurutnya, pihaknya memberi tumpuan kepada rawatan seperti pemberian vaksin, ubat cacing dan ubat kutu termasuk aktiviti pemandulan serta pembe-

dahan kecil yang perlu dilakukan segera bagi menyelamatkan nyawa haiwan peliharaan itu.

Katanya, sebelum ini pemilik haiwan peliharaan terpaksa datang ke klinik JPV dan klinik swasta bagi mendapatkan rawatan haiwan mereka, namun selepas ini mereka hanya perlu menunggu klinik veterinar bergerak datang ke tempat mereka.

"Kita mampu memberi rawatan antara 40 hingga 50 ekor haiwan peliharaan sehari bergantung pada jenis rawatan yang diberikan. Untuk pemberian vaksin, ubat cacing dan ubat kutu akan mengambil masa kira-kira 10, 15 minit hingga sejam bagi pemandulan," katanya, di sini, semalam.

Norhaliza berkata, bayaran serendah RM5 dikenakan bagi rawatan seperti suntikan vaksin, ubat cacing dan ubat kutu. Bagi pemandulan dikenakan RM80 bagi kucing jantan dan RM120 kucing betina.



KELIBATAN pelanggan mengambil gambar bersama kucing kucing kesayangan pada Program Kampungku Ceria di Tasik Paya Besar Gambang, Kuantan.

Sementara itu, Ketua Bahagian Kesihatan Veterinar JPV Pahang, Dr Zakaria Ahmad berkata, klinik veterinar bergerak dapat memberi kemudahan kepada pemilik haiwan peliharaan mendapatkan kemudahan rawatan haiwan mereka dengan lebih mudah dan jimat.

"Kita akan datang ke lokasi ditetapkan di kawasan luar bandar, pemilik haiwan boleh datang secara berkumpulan membawa kucing, anjing, arnab dan hamster. Dengan cara itu dapat menjimat kos selain memberi lebih kesesakan pada haiwan."

"Klinik veterinar bergerak dikendalikan tujuh kakitangan termasuk tiga penolong pegawai veterinar yang akan memberi rawatan. Saya berharap perkhidmatan bergerak yang disediakan ini mendapat sambutan daripada pemilik haiwan peliharaan di negeri ini," katanya.

Saingan Pilih Baka Terbaik

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harian Metro	Ku Bela	33	21 Jan

KUBELA

SAINGAN PILIH BAKA TERBAIK

Seramai 15 individu pertaruh 63 arnab dalam 'Double Rabbit Show 2026' kolaborasi pertunjukan arnab terbesar di Asia Tenggara

Oleh Nurul Husna Mahmud
nurul_husna@metro.com.my

'Double Rabbit Show 2026' menyaksikan penyertaan Malaysia dalam pertunjukan arnab terbesar bersama Indonesia dan Thailand.

Penilaian pertunjukan itu dilakukan juri daripada 'American Rabbit Breeders Association' (ARBA), Amerika Syarikat, Doug King dan Scott Rodriguez.

Menurut wakil pengasas yang juga pengasas 'Malaysian Rabbit and Cavies Club', Ryan, kelibanya itu bekerjasama dengan 'Iowa Rabbit Show' (IARBS) di Indonesia dan 'Rabbit Breeder Associations' (RBA) di Thailand.

'Double Rabbit Show 2026' ini adalah kolaborasi pertunjukan arnab terbesar di Asia Tenggara.

"Bagi pertandingan kali ini, 15 individu mempertaruhkan 63 arnab masing-masing untuk merebut kejuaraan pelbagai kategori," katanya.

Pada pertandingan itu, selain pemilik atau pembiak baka, pengunjung juga dapat melihat bagaimana penilaian arnab dilakukan.

"Sembilan baka seperti 'Holland Lop', 'Mini Lop', 'English Angora' serta 'Mini Rex' dinilai.

"Penilaian umumnya melihat kepada baka terbaik berdasarkan jenis tubuh, potongan kepala, kedudukan 'pose' selain tahap kesihatan terutama otot.

"Ia standard diguna pakai di seluruh dunia. Kualiti baka arnab Asia Tenggara juga setanding dengan baka di negara lain," katanya.

Seorang daripada peserta, Ryan Lee, berkata, dia memasukkan arnab jantannya, 'Robert' untuk muncul juara.

"Namun sebaliknya yang berlaku apabila arnab betina saya, 'Lacy' yang berumur setahun,

> 34

Saingan Pilih Baka Terbaik

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harian Metro	Ku Bela	33	21 Jan



PEMILIK BANGGA DAN PUAS HATI

Satu pengiktirafan terhadap arnab sebagai haiwan peliharaan dalam pertandingan di peringkat antara bangsa

BERI MUKA 33
dinobatkan sebagai juara.

"Saya antara peserta baru dalam pertunjukan arnab dan hanya serius sejak setahun lalu selepas memelihara Robert."

"Tahun lalu, Robert menang dalam dua pertandingan dan sasaran saya kali ini ialah untuk mencipta 'hatrix' bagi Robert."

"Namun, Lacy pula yang lebih mencuri perhatian juri," katanya.

Pemenang kategori 'Best Show', King Yea Ni, 46, memulakan kegembiraan selepas juri mengiktiraf arnab peliharaannya, 'Baron', sebagai antara yang terbaik.

"Saya tidak menjangka menerima anugerah tertinggi iaitu 'Double Best In Show' daripada juri."

"Pertandingan kali ini sengit dan penilaian juri sangat berkesan."

"Saya kekal fokus iaitu memantapkan setiap arnab yang saya bawa memenuhi standard juri malah saya banyak belajar daripada proses penilaian mengenai kriteria arnab terbaik," katanya.

Menurutnya, setiap arnab yang dibawa untuk menyertai pertandingan dipilih dalam kalangan arnab terbaik.

"Malah, baka yang saya miliki membabitkan baka terpilih dan ia memberikan saya kelebihan jika menyertai satu-satu pertandingan."

"Selain arnab, pada saya, pemilik juga perlu bersedia dan melakukan kaji selidik ciri perlu dipenuhi ketika sesi penilaian."

"Ia membantu memperstakan arnab untuk sebarang cabaran seterusnya mempunyai peluang lebih cerah untuk muncul juara," katanya.



Penilaian umumnya melihat kepada baka terbaik berdasarkan jenis tubuh, potongan kepala, kedudukan 'pose' selain tahap kesihatan terutama otot

RYAN

Pilihan Haiwan Peliharaan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harian Metro	Ku Bela	35	21 Jan

PILIHAN HAIWAN PELIHARAAN

Biarpun tupai terbang atau Sugar Glider perlu masa untuk dijinakkan tetapi mudah dilatih menjadi haiwan peliharaan

Oleh Nurul Husna Mahmud
nurul_husna@medi-
aprima.com.my

'Sugar Glider' atau tupai terbang ialah haiwan marsupial merujuk kepada spesies mamalia memiliki kantung seperti kanggaru.

Sebenarnya, lebih tepat gelaran untuk haiwan itu ialah posum layang, merujuk kepada keluarga haiwan itu.

Walaupun lincahnya seperti tupai dan rupa fizikal seperti tikus, tetapi ia bukan datang daripada spesies keluarga sama.

Sugar Glider sangat sensitif dengan persekitaran dan ia adalah haiwan eksotik serta popular dipelihara sebagai haiwan peliharaan.

Satu ciri menarik mengenai Sugar Glider ialah, ia antara haiwan

yang gemar 'bersosial' dan mudah dilatih untuk menjadi haiwan peliharaan.

Ciri itu juga membuatkan ramai mudah tertarik dan jatuh hati untuk memeliharanya.

Tetapi, menjinakkan Sugar Glider perlukan masa, malah apabila sudah jinak, ia mudah berdamping dengan pemiliknya.

Pendekatan menjinakkan Sugar Glider perlu berperingkat supaya ia tidak tertekan serta mudah menurut tuannya.

Berikut ialah kaedah boleh dilakukan bagi memastikan spesies marsupial itu mesra dengan pemiliknya.

1. Pengendalian beg yang berfungsi seperti kantung

SEDIAKAN khemah tempat ia bermain dan rehat.



FOTO DIJANA OLEH AIDAN PEXELS.COM



LETAK beg kecil pada badan pemilik.

Biasakan membawa Sugar Glider kesayangan dalam kantung lembut berzip (seperti kantung hoodie) pada waktu siang supaya ia terbiasa dengan bau, degupan jantung dan suara pemilik.

2. Pegangan kuat tetapi lembut

Apabila Sugar Glider gelisah, pegangnya dengan kuat tetapi lembut (tanpa menggosok), ia boleh menenangkannya.

Memegang kuat membantu ia berasa selamat seperti mana dalam kantung induknya.

3. Bina khemah untuk Sugar Glider berlindung

Gunakan khemah kecil atau jaring seperti tempat permainan haiwan itu untuk interaksi positif terkawal.

Kalau boleh, khemah dan jaring itu tiada ruang bagi Sugar Glider terlepas.

4. Beri makan di tangan, misalnya.

Teknik mengumpan in selalunya berkesan dan makanan boleh disediakan dalam potongan kecil.

Buah seperti epal, betil dan tembikai antara diet kegemarannya.

Jika bimbang Sugar Glider agresif, pakai sarung tangan nipis.

5. Jangan takut 'crab' (bunyi marah) atau suara 'mengeram'

Sugar Glider sering 'crabbing' saat takut. Tetap tenang, jangan bereaksi panik atau dilepas secara kasar.

Genggam ia dengan erat tetapi lembut bagi menenangkannya.

LG PuriCare AeroCatTower Penulen Udara Khas untuk Kucing dan Pemilik

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harian Metro	Ku Bela	35	21 Jan

Berdasarkan maklumat pasaran terkini, Malaysia menunjukkan peningkatan ketara dalam pemilikan haiwan peliharaan dengan 51 peratus rakyat negara ini memiliki haiwan peliharaan selain hampir 78 peratus kediaman mempunyai kucing.

Realiti di sebalik pemilikan kucing dalam kediaman, tidak semua penghuni kediaman boleh bertoleransi dengan bulu haiwan berkenaan.

Malah, tidak semua persekitaran dalam kediaman selamat dan sihat untuk kucing peliharaan juga.

Justeru, LG PuriCareT AeroCatTower yang juga penulen udara khusus untuk pemilik

LG PuriCareT AeroCatTower penulen udara khas untuk kucing dan pemilik



dan peminat kucing, diperkenalkan.

Alat ini bukan saja inovasi terkini, malah julung kali diperkenalkan di Malaysia.

Pengarah Urusan LG Electronics Malaysia Justin Choi berkata, ramai rakyat Malaysia memelihara kucing di rumah dan keperluan untuk udara yang lebih bersih, pengurangan alergen dan peralatan kediaman yang mesra haiwan sangat penting.

"LG memperkenalkan penulen udara pertama di pasaran Malaysia yang dibina khas untuk kucing dan pemilik yang menyayangi haiwan ini.

"Kejayaan yang kami saksikan di Taiwan, Hong Kong dan Jepun yang mana pemilik haiwan peliharaan menikmati peningkatan ketara dalam kualiti udara dan keselesaan haiwan meyakinkan kami bahawa pencinta kucing di Malaysia juga akan mendapat manfaat sama.

"Penulen udara ini direka bagi menyokong udara dalaman supaya lebih bersih serta turut memberikan keselesaan kepada kucing setiap hari.

"Ia memiliki tempat duduk kubah yang dipanaskan seterusnya mencipta tempat rehat yang hangat. Menariknya, ia memiliki dua tetapan

haba iaitu 34°C untuk an kucing dan 39°C untuk kucing dewasa.


"Ia turut disertakan dengan dua mod iaitu mod pengesanan kehangatan yang diaktifkan apabila kucing duduk dan mod panas konsisten untuk kehangatan kekal stabil katanya.

Ia juga mampu menampung berat kucing sehingga 15 kilogram dan dilengkapi aliran udara 360 darjah dengan lapis penapis HEPA yang mampu mengurangkan sehingga 99 peratus bulu dan zarah haiwan peliharaan serta zarah penyebab bau.

Teknologi UVnano juga mampu menyingkirkan bakteria dan virus pada bilah kipas.

Thinking of Getting a Pet Passport In Malaysia? Here's What You Should Know

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Weird Kaya	Lifestyle	Dalam Talian	19 Jan



Cover image via X/@ShazGhaFFB/Jax Ong

If you've ever heard Malaysian pet owners talk about getting a "pet passport", you might imagine a tiny booklet that lets cats and dogs travel overseas like humans.

But in Malaysia, a pet passport isn't exactly a travel document and many pet owners only realise this after scrambling last minute before a trip. So what is it really?

Let's break it down.

So, What is a Pet Passport in Malaysia?

Malaysia's pet passport is part of the Malaysian Animal Traceability System (MATs), managed by the Department of Veterinary Services (DVS).

In simple terms, it is an official animal identification and health record booklet. Inside, you'll find:

- Your pet's photo
- Species and breed
- Microchip number
- Vaccination records

(especially rabies)

- Deworming and parasite treatments
- Owner's details and contact information

Think of it as your pet's government-recognised ID card and medical record in one book.

Now that we know what it is, the next common question is whether this passport works like a real travel document.

overseas, you'll also need:

- ISO-standard microchip
- Up-to-date rabies vaccination
- Veterinary Health Certificate
- Export Permit from DVS Malaysia
- Import Permit from the destination country
- Additional blood tests or quarantine clearance (depending on destination)




Photo via X/@ShazGhaF

Does a Pet Passport Let My Pet Travel Overseas?

Short answer: Not by itself.

While the Malaysian pet passport is required as part of travel documentation, it is not a standalone travel permit.

To actually bring a pet

So, in simple terms:

Pet Passport = Official ID and vaccine record

Permits + health certificates = Actual travel clearance

Now that travel is covered, what if you're not planning to fly anywhere at all?

Why Get One if You're Not Travelling?

Speaking of practical matters, many owners also

Photo via Mingguan Wanita

Even if your pet never leaves Malaysia, a pet passport is still surprisingly useful.

It helps:

- Keep vaccination records organised
- Act as proof of ownership
- Recover lost pets through microchip tracing
- Simplify vet visits, boarding, and grooming check-ins
- Support national disease tracking and control

In fact, some pet hotels and boarding centres now request vaccination proof before accepting pets making the passport handy even for staycations.

wonder how much this process costs.

Typical Costs in Malaysia

According to DVS Malaysia's Malaysian Animal Traceability System (MATs), the official Pet Passport / Identification Card fee is:

- Cat: RM7
- Dog: RM7
- Rabbit: RM7
- Horse: RM9

However, DVS states that this fee does not include:

- Microchip implantation
- Veterinary physical examination
- Pet photograph

In reality, once microchipping, rabies vaccination, and vet consultation are added, most pet owners spend around RM150–RM300 for full first-time registration.

Of course, cost isn't the only concern. Time is another big factor especially for travel.

But even before applying, there are still plenty of misunderstandings among Malaysian pet owners.

Common Misconceptions Among Malaysian Pet Owners

Many owners assume:



Photo via Mingguan Wanita

How Long Does it Take?

- Same-day issuance if your clinic is an authorised MATs registrar
- 1–2 weeks if processed through a DVS office
- Travel preparation for certain countries may take 3–6 months, especially if blood tests or quarantine approvals are required

This is why experienced pet travellers always advise: plan early.

- “Pet passport means my pet can travel anytime”
- Travel still requires additional permits.
- “Only dogs can get pet passports”
- Cats can be registered too, even if not compulsory in most councils.
- “My vet automatically registers my pet”
- Not all clinics are authorised MATs registrars.

Once these misconceptions

are cleared, the process becomes much less intimidating.

Quick FAQ



Photo via FB/Jax Ong

What If the Passport Booklet is Lost?

Fortunately, there's no need to panic.

MATs stores your pet's:

- Microchip data
- Owner information
- Vaccination history

So records can still be retrieved through DVS even if the physical booklet goes missing.

With systems becoming increasingly digital, pet identification in Malaysia is also evolving.

Can I get a pet passport for an unvaccinated pet?

No. Vaccinations must be updated first.

Do puppies and kittens need one?

Yes, though rabies vaccines are only given after a certain age.

Does the passport expire?

The booklet doesn't expire, but vaccinations must stay updated.

A Malaysian pet passport may not get your pet a seat on a flight by itself but it keeps your pet legally recognised, medically documented, and ready for travel when needed.-[WEIRDKAYA](#)

'Pengalaman Ngeri' Pencemaran Ladang Ternakan Babi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harakah Daily	Nasional	Dalam Talian	19 Jan



GEORGE TOWN: Timbalan Pesuruhjaya PAS Pulau Pinang, Norazman Ishak mengingatkan semua pihak agar tidak terpengaruh dengan janji manis kapitalis penternak babi yang sering mendakwa semua peraturan boleh dipatuhi sebelum sesuatu projek dilaksanakan.

"Adakah benar semua peraturan, akta dan enakmen boleh dipatuhi sepenuhnya? Adakah kapitalis penternak babi benar-benar mampu mematuhi 100 peratus peruntukan berkaitan?

"Penilaian Kesan Alam

Sekitar (EIA), Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP), enakmen kawalan penternakan babi serta Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)," ujarnya.

Menurut beliau, rakyat yang telah lama menjadi mangsa pencemaran alam sekitar akibat aktiviti penternakan babi mengetahui jawapan sebenar kepada persoalan tersebut berdasarkan pengalaman mereka sendiri.

Beliau mengemukakan contoh nasib dilalui penduduk Kampung Selamat yang menerima kesan

pencemaran Sungai Kereh di Tasek Gelugor akibat aktiviti kandang penternakan babi di situ.

Menurut beliau, perkara itu telah berlarutan lebih 40 tahun tanpa penyelesaian tuntas, sekali gus menimbulkan persoalan besar mengenai penguatkuasaan undang-undang dan keadilan terhadap penduduk setempat.

Malah beliau berkata, isu berkenaan telah berkali-kali dibangkitkan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perikatan Nasional khususnya dari PAS dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang.

Memorandum penduduk juga ujarinya, telah banyak diserahkan kepada pihak berkuasa, namun meskipun pelbagai aduan dan bantahan dibuat, pencemaran najis babi di Sungai Kereh masih berterusan.

“Persoalannya, adakah penternak babi kebal? Mengapa isu yang telah berlarutan lebih empat dekad ini masih gagal diselesaikan walaupun saluran rasmi telah digunakan berkali-kali,” katanya.

Beliau membangkitkan

demikian sebagai nasihat kepada warga penduduk Bukit Tagar, Hulu Selangor yang bakal berhadapan projek ladang ternakan babi berskala besar dicadang dipindahkan ke situ.

Projek didakwa akan menggunakan sistem ladang ternakan moden (MPF) di tanah tinggi berkeluasan 500 ekar itu dilihat Norazman akan mengulangi risiko dan kesan pencemaran yang mungkin berlaku seperti di Tasek Gelugor.

Tegasnya lagi, isu pencemaran alam sekitar bukan sekadar soal pembangunan atau ekonomi, sebaliknya melibatkan kesihatan awam, kelestarian alam sekitar serta hak rakyat untuk menikmati persekitaran yang bersih dan selamat.

“Selagi tiada tindakan tegas dan konsisten, rakyat akan terus menjadi mangsa, manakala pencemaran akan terus berulang,” katanya. – [HARAKAHDAILY](#)

Pahang Introduces First Mobile Veterinary Clinic In East Coast

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
FMT	Nation	Dalam Talian	20 Jan



The mobile clinic will visit each district on a monthly basis to provide essential care for pets including cats, dogs, rabbits and hamsters. (Envato Elements pic)

PETALING JAYA: The Pahang veterinary services department (DVS) has rolled out the first fully-equipped mobile veterinary clinic in the east coast to provide treatment for pets in rural areas.

The clinic, which began operations in conjunction with the Kampungku Ceria programme on Sunday, is fitted with rooms for consultation, surgery, anaesthesia, holding cages, as well as registration and waiting areas.

Pahang DVS director Norhaliza Abdul Halim said the mobile clinic was expected to visit every district in the state each month to provide essential services for animals such as cats, dogs, rabbits and hamsters.

She said the treatments provided included vaccinations, deworming and the administration of anti-flea medication, as well as spaying, neutering and minor surgeries that need to be carried out promptly to save

pets' lives.

“Outside the mobile clinic, there is a viewing area with a television that broadcasts information related to treatment facilities and pet care.

“We are able to treat between 40 and 50 pets a day, depending on the type of treatment required. Vaccinations, deworming and anti-flea treatments take about 10 to 15 minutes, while spaying or neutering takes up to an hour,” Berita Harian reported her as saying.

Norhaliza said fees began at RM5 for vaccinations, deworming and anti-flea treatments, while neutering male cats cost RM80 and spaying females, RM120.

Pahang veterinary health division head Zakaria Ahmad said the mobile clinic made it easier for pet owners to access treatment services.

“The clinic is operated by seven staff, including three assistant veterinary officers. We hope the mobile service offered will receive a positive response from pet owners in the state,” he said.-[FMT](#)

Ladang Babi Moden Tidak Kebal Penyakit

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harakah Daily	Viral	Dalam Talian	20 Jan



KUALA LUMPUR: Kebimbangan masyarakat terhadap penternakan babi skala besar di Malaysia adalah tertumpu risiko kesihatan awam, pencemaran alam sekitar dan ancaman penyakit zoonotik, yang boleh berulang semula.

Ketua Penerangan PAS Selangor, Yusfarizal Yussoff berkata, penularan wabak berkaitan masih boleh berlaku walaupun teknologi penternakan moden digunakan, sebagaimana hasrat diumumkan oleh kerajaan negeri Selangor.

“Fasiliti tersebut tidak ‘kebal’ sepenuhnya, sebaliknya ia hanya berperanan sistem pertahanan yang mampu meminimalkan kesan penyakit yang berpotensi menjadi ancaman utama kepada nyawa manusia.

“Kita pernah dikejutkan penularan Virus Nipah menyebabkan kematian 105 orang dan hampir sejuta ekor babi dihapuskan, dilaporkan Demam Babi Afrika (ASF) turut berlaku di ladang babi Sepang dan Kuala Langat.

“Usaha menukar ladang

penternakan babi tradisional kepada penternakan secara moden merupakan langkah yang baik, namun ia tidak boleh dibuat secara sambil lewa tanpa ketegasan,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai mengulas mengenai cadangan menjadikan kawasan seluas 500 ekar di Bukit Tagar, Hulu Selangor sebagai tapak penternakan baru skala besar.

Menurut beliau, Enakmen Pegawalan Penternakan Babi 1991 di Selangor masih dianggap belum cukup ketat dari aspek penguatkuasaannya bagi menangani masalah yang membabitkan penternakan babi secara tradisional.

“Pindaan enakmen yang dibuat pada 2010 itu hanya bersifat takrifan, selain kadar denda maksimum yang boleh dikenakan kepada penternak sekiranya berlaku pencemaran adalah sangat rendah,” jelasnya.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan kerajaan negeri Selangor agar segera meminda enakmen tersebut bagi mewajibkan penternakan secara moden, tindakan tegas jika berlaku pencemaran dan penternak menanggung kos pemulihan sungai.

“Selain itu kerajaan negeri juga meminda enakmen ini bagi mewajibkan dan mengetatkan biosekuriti ladang penternakan yang ada di negeri ini ia termasuk juga sistem pengangkutan dan juga pemprosesan babi.

“Kalau tidak (mampu) import sahajalah babi, tak berbaloi kalau berlaku wabak,” katanya mengulas cadangan menjadikan kawasan seluas 500 ekar di Bukit Tagar Hulu Selangor sebagai tapak penternakan baru skala besar.” katanya. –

[HARAKAHDAILY](#)

Pinda Enakmen Sebelum Laksana Projek Ternakan Babi Skala Mega – Yusfarizal

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Gazette	Nasional	Dalam Talian	20 Jan



Yusfarizal Yusoff

KUALA LUMPUR – Kerajaan Negeri Selangor digesa meminda Enakmen Pengawalan Penternakan Babi 1991 atau membuat enakmen baharu dalam menangani kebimbangan rakyat berhubung isu projek ternakan tersebut.

Ketua Penerangan Pas Selangor, Yusfarizal Yusoff berkata, ia termasuk mewajibkan kaedah Modern Pig Farming (MPF) serta memastikan tindakan tegas dikenakan sekiranya mana-mana syarat ternakan dilanggar.

Selain itu, menurut beliau, pindaan atau enakmen baharu juga bagi memastikan hukuman tinggi sekiranya berlaku pencemaran dengan penternak membayar semua kos pemuliharaan selain mewajibkan dan mengetatkan biosekuriti ladang penternakan, pengangkutan dan pemprosesan.

“Pindaan ini perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum Kerajaan Negeri Selangor merancang penternakan babi pada skala mega

menggunakan teknologi zero discharge,” katanya dalam satu kenyataan.

Menurut Yusfarizal yang juga seorang peguam, walaupun usaha untuk menukar ladang penternakan babi secara tradisional kepada MPF adalah satu usaha yang baik namun ia tidak boleh dibuat secara sambil lewa tanpa ketegasan.

Di Selangor, kata beliau, tidak ada undang-undang yang memperketatkan syarat tentang MPF, dengan Enakmen Pengawalan Penternakan Babi Selangor 1991 hanya mengandungi seksyen-seksyen berkenaan penternakan tradisional.

Jelasnya, pindaan yang dibuat pada tahun 2010 pula adalah hanya bersifat takrifan.

“Melalui enakmen sedia ada, sekiranya berlaku pencemaran daripada ladang ternakan babi, denda maksimum yang boleh dikenakan adalah hanya RM10,000.

“Dan melalui pindaan 2010, kesalahan-kesalahan boleh dikompaun pula,” katanya.

Sementara itu, Yusfarizal turut berkongsi beberapa wabak kesihatan melibatkan penternakan babi antaranya Virus Nipah yang dikesan di

ladang penternakan babi di Ipoh, Perak sekitar tahun 1998-1999.

Menurutnya, wabak itu merebak dengan teruk sehingga ke Kampung Sungai Nipah, Bukit Pelanduk, Negeri Sembilan dan menyebabkan kematian 105 orang, manakala hampir sejuta ekor babi terpaksa dihapuskan membabitkan operasi besar-besaran pihak berkuasa.

Di luar negara pula, ujar beliau, wabak African Swine Fever (ASF) menyerang ladang berteknologi tinggi di Dangjin, Korea Selatan pada Mac tahun lalu, serta menyerang ladang komersial berskala besar dan berteknologi tinggi di Gangneung, Daerah Gangwon, baru-baru ini.

“Wabak terkait babi ini tidak mengenal teknologi. Walaupun sistem ladang telah dilengkapi teknologi terkini, wabak tetap boleh menular. Antara sebabnya ialah makanan babi yang tercemar.

“Fakta-fakta ini membuktikan satu perkara, bahawa penternakan babi adalah berisiko sangat tinggi.

“Sebab itulah ia perlu diuruskan dengan sangat ketat. Tidak boleh cut-corners ataupun tutup

sebelah mata,” katanya. –
[MALAYSIAGAZETTE](#)

Keringat Pagi Anak Muda Jeram Mengaji Demi Susu Segar Tempatan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BERNAMA	AM	Dalam Talian	20 Jan



PASIR PUTEH, 20 Jan (Bernama) -- Setiap pagi di Jeram Mengaji bermula dengan deruan mesin pemerahan susu dan rutin penjagaan lembu yang teratur, menggambarkan kesungguhan sekumpulan anak muda tempatan memastikan bekalan susu segar terus sampai ke meja pengguna.

Di sebalik operasi itu, Ladang Tenusu SRZ Ternak Jeram Mengaji bukan sekadar pusat pengeluaran susu, malah menjadi simbol usaha berdisiplin dalam menjamin keselamatan makanan

tempatan melalui pengurusan ladang yang tersusun serta pematuhan ketat terhadap standard kualiti.

Pengurus ladang berkenaan, Nik Syazwan Najmi Sukeri, 26, berkata operasi harian di ladang itu diurus secara berjadual, melibatkan pemakanan ternakan, pembersihan kandang, pemerahan susu serta pemantauan kesihatan lembu bagi memastikan pengeluaran yang konsisten.

Beliau berkata ladang itu kini menguruskan 58 ekor lembu

tenusu di kawasan seluas kira-kira 16.19 hektar, dengan purata pengeluaran susu harian sekitar 70 kilogram bergantung kepada tahap kesihatan dan produktiviti ternakan.

“Penjagaan lembu tenusu memerlukan disiplin tinggi kerana haiwan ini mudah mengalami tekanan. Lembu perlu dimandikan dua kali sehari, diberi makanan mencukupi dan ditempatkan di kawasan selesa bagi mengekalkan kualiti serta kuantiti susu,” katanya kepada Bernama.

Menurutnya, aspek kebersihan menjadi keutamaan, termasuk pembersihan kandang setiap hari, kawalan persekitaran serta pematuhan kepada standard kualiti yang ditetapkan pihak berkuasa melalui pemantauan berkala oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kelantan sebelum susu diproses atau dipasarkan.

Nik Syazwan Najmi berkata susu segar yang dihasilkan digunakan untuk menghasilkan pelbagai produk berasaskan tenusu seperti susu segar, dadih dan yogurt pelbagai perisa, selain dijual terus kepada pengguna termasuk menerusi platform dalam talian.

“Permintaan biasanya meningkat ketika musim cuti sekolah dan hujung minggu, menyebabkan pengeluaran perlu ditingkatkan bagi memenuhi keperluan pelanggan,” katanya.

Beliau berkata ladang itu turut dilengkapi kilang pemprosesan serta lima kiosk jualan produk tenusu, selain mini zoo yang menempatkan beberapa jenis haiwan seperti burung unta, kuda, rusa, kerbau, angsa dan itik telur sebagai tarikan pelancongan.

Mengulas cabaran operasi, beliau berkata kos makanan ternakan merupakan perbelanjaan terbesar, dengan penggunaan dedak mencecah beberapa beg sehari, menjadikan kos operasi bulanan melebihi RM10,000.

Bagaimanapun, beliau berkata faktor cuaca tidak banyak menjejaskan operasi kerana ladang terletak di kawasan tinggi, bebas banjir, serta mempunyai sumber rumput dan kawasan teduh mencukupi untuk ternakan.

Selain menyumbang kepada pengeluaran makanan tempatan, Nik Syazwan Najmi berkata ladang itu turut berperanan sebagai lokasi pembelajaran dan penyelidikan dengan penglibatan institusi

pengajian tinggi seperti Universiti Malaysia Kelantan dan Universiti Sultan Zainal Abidin.

Beliau turut mengakui peranan pekerja kandang tempatan menjadi tulang belakang kelangsungan operasi ladang tenusu berkenaan.

Sementara itu, pekerja ladang, Wan Muhammad Iman Wan Rosli, 19, berkata beliau telah berkhidmat selama tujuh tahun dengan tugas harian merangkumi penjagaan lembu dan kambing serta pengurusan kandang.

Beliau berkata rutin harian bermula dengan membawa lembu ke kandang pada pukul 10 pagi untuk dimandikan, diikuti proses pemerahan susu selama kira-kira sejam, kemudian membawa ternakan ke padang ragut pada pukul 12.30 tengah hari.

Menurutnya, walaupun berdepan kerja berat dan najis ternakan, beliau tidak kekok kerana mengenali setiap lembu dengan nama seperti Ruji, Betik, Wahab, Najwa, Aidil, Ipin dan Paidin, selain menerima upah secara mingguan.

Seorang lagi pekerja kandang, Muhammad Naim Al-Hafiz Mohd Razwan, 17,

yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, berkata beliau telah membantu menjaga lembu sejak dua tahun lalu dan menganggap tugas itu sebahagian daripada kehidupan hariannya.

Beliau berkata tugasnya termasuk memberi makan ternakan, membersihkan kandang serta membantu mengurus lembu yang beranak, yang memerlukan kemahiran dan kesabaran tinggi.

“Setiap lembu ada perangai berbeza. Ada yang sensitif dan mudah terkejut. Jika tersalah langkah, boleh ditendang atau ditanduk, dan saya pernah mengalaminya,” katanya.

Anak keempat daripada lima beradik itu berkata walaupun pekerjaan berkenaan mencabar, beliau tidak malu kerana pengalaman tersebut memberi kemahiran, pendapatan serta membantu menyara keluarga.

Katanya, ladang tenusu itu bukan sahaja menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat, malah membentuk kemahiran generasi muda dalam bidang penternakan, sekali gus menyokong agenda keselamatan makanan negara.-BERNAMA

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR